



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Akauntan WA41  
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 3,720.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan  
(d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
(e) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)
4. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Akauntan Gred WA41 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Menjalankan tugas dan aktiviti di bawah Akta 738 antaranya:
  - Melaksanakan pengurusan kewangan;
  - Melaksanakan pengurusan aset;
  - Melaksanakan aktiviti berkaitan sistem kewangan;
  - Mengenalpasti dan merancang peruntukan kewangan.
7. Cara Memohon : Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut yang **telah siap dikokot/distapler) mengikut turutan.**
  - a) Resume Calon (beserta gambar berukuran pasport);

- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil Tamat Persekolahan;
- e) Sijil STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- f) Sijil Ijazah dalam bidang berkaitan berserta transkrip;
- g) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
- h) Lain-lain dokumen sokongan.

Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN  
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,  
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,  
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

**(sila tulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat)**

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

**8. Tarikh Tutup Permohonan : 10 Julai 2023 (Isnin) jam 3.00 petang**

**NURUL AINI BINTI SURIP**

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 26 Jun 2023

